



## PERMOHONAN PENGECUALIAN KREDIT

### MAKLUMAT AM

- Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Am FSKIK.
- Borang yang lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Am FSKIK dalam tempoh 2 minggu selepas mendaftar sebagai pelajar universiti.
- Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang semester pengajian iaitu pada semester 1.
- Sekiranya pelajar ingin memohon pengecualian kredit bagi kursus yang ditawarkan oleh fakulti lain boleh berhubung terus dengan fakulti berkenaan.
- Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen berikut :
  - Keputusan peperiksaan bagi kursus yang dipohon pengecualian (transkrip).
  - Silibus kursus bagi kursus berkenaan.
- Senarai nama pelajar yang diluluskan pengecualian kredit boleh disemak dengan pihak Fakulti.
- Bahagian Hal Ehwal Akademik akan mengeluarkan Surat Pengesahan Pengecualian Kredit kepada pelajar yang diluluskan.
- Pelajar dikehendaki mengambil dan menyimpan surat tersebut kerana ianya akan digunakan sebagai bukti sekiranya timbul masalah jika bergraduasi kelak.
- Pelajar dikehendaki menggugurkan kursus yang telah diluluskan dengan gugur kursus (*drop*) secara *online* sebelum tamat tempoh minggu Tambah Gugur Kursus

### KRITERIA PENGECUALIAN KREDIT ADALAH SEPERTI BERIKUT :

- Lulusan Diploma yang telah mengambil kursus – kursus yang setara di institusi lain sebelum memasuki universiti.
- Pengecualian kredit perlu disetarakan seperti berikut :
  - **Satu (1)** kursus Sarjana Muda disetarakan dengan **Dua (2)** kursus Diploma
- Memperolehi sekurang – kurangnya **Gred B** bagi kursus berkenaan
- Kursus yang pernah diambil tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.
- Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit mempunyai pertindihan kandungan sekurang – kurangnya 80 % dengan kursus yang ditawarkan.
- Jumlah maksimum Pengecualian Kredit tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit untuk sesuatu program yang diikuti.